



## MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang memiliki keterampilan baik, semangat yang tinggi untuk bekerja secara berpasukan, bakat kepimpinan, ciri-ciri jati diri yang cemerlang dan kelayakan profesionalisme yang bersesuaian bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Manjung.

JAWATAN	:	PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA29
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEJURUTERAAN
JADUAL GAJI (MIN – MAKS)	:	<b>GRED JA29</b> RM1,549.00 – RM5,701.00
TARAF JAWATAN	:	<b>KONTRAK (CONTRACT OF SERVICE)</b>
BILANGAN KEKOSONGAN	:	<b>1 KEKOSONGAN DI JABATAN BANGUNAN</b>
SYARAT LANTIKAN	:	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-  a) warganegara Malaysia; b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan i) <b>sijil dalam bidang seni bina</b> yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:1,549.00); atau ii) <b>diploma dalam bidang seni bina</b> yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:1,935.02).
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	:	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian ( <b>sekurang-kurangnya Gred C</b> ) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat <b>Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia</b> atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
KEPERLUAN BIDANG	:	<b>SENI BINA SAHAJA</b>

**SYARAT KELAYAKAN  
TAMBAHAN**

- Sangat Mahir dalam menyediakan reka bentuk.
- Mahir menggunakan perisian AutoCAD/Revit, Ilustrasi 3D, SketchUP, Lumion dan setaraf dengannya.
- Mahir menghasilkan ilustrasi kreatif dengan menggunakan Adobe Photoshop, Adobe Illustrator dan setaraf dengannya.

Pemohon perlulah meletakkan maklumat syarat kelayakan tambahan serta kemahiran dan pengalaman dalam bidang seni bina di ruangan Maklumat Kemahiran di dalam Portal Perak Digital.

**TARIKH TUTUP IKLAN**

**: 29 FEBRUARI 2024**

**CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi dalam talian (*online*) sahaja dengan melayari laman web Majlis Perbandaran Manjung di [www.mpm.gov.my](http://www.mpm.gov.my) dan pemohon akan dihubungkan ke Laman Portal Perak Digital Negeri Perak di bawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong di <https://digital.perak.my>.

**CATATAN AM**

- (a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian/temu duga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian/temu duga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di agensi kerajaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan dokumen berikut semasa dipanggil untuk sesi ujian/temu duga:
  - (i) Satu salinan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini
  - (ii) Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini
  - (iii) Surat Perakuan Ketua Jabatan sama ada beliau menyokong/tidak menyokong permohonan jawatan tersebut.

.....  
  
**SYAMSUL HAZEMAN BIN MD.SALLEH, PMP, AMP**  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**

**TARIKH : 23 FEBRUARI 2024 / NO FAIL : MPM.(JKP)500-1/4/2 JLD.9**